



## MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak), termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf **Contract For Service** iaitu:-

**JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA5**

**KLASIFIKASI : KEJURUTERAAN**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK (CONTRACT FOR SERVICE)**

**JUMLAH KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN**

**SYARAT LANTIKAN : 1.** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a) (i) **Sijil Seni Bina** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau

(ii) **Diploma Seni Bina** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : 2.** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya **Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **RINGKASAN TUGAS:**

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan bagi skop kerja seni bina termasuk melaksanakan penyediaan lukisan teknikal dan spesifikasi, menyemak lukisan perunding, merekod dan menyelenggarakan lukisan, menyediakan study model, menyediakan reka bentuk, menyedia lakaran reka bentuk, menyediakan lukisan kerja, lukisan perunding, memantau maklum balas penilaian teknikal, melaksanakan audit kualiti (reka bentuk)/audit seni bina pembinaan dan menyediakan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan tugas-tugas berkaitan aspek reka bentuk dan seni bina.

## **PERMOHONAN**

1. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang MPTI/i-1/2025 yang boleh dimuat turun (download) melalui portal rasmi Majlis Perbandaran Teluk Intan : [www.mpti.gov.my](http://www.mpti.gov.my)
2. Keterangan lanjut mengenai syarat lantikan jawatan kosong yang diiklankan boleh didapati di portal rasmi Majlis Perbandaran Teluk Intan : [www.mpti.gov.my](http://www.mpti.gov.my)

## **PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

- i. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.
- ii. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.
- iii. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
- iv. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.
- v. Sila ambil maklum pengambilan bagi jawatan '*Contract For Service*' (CFS) bukan suatu jaminan untuk diserap sebagai pegawai lantikan tetap.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 07 JULAI 2025**